

Headline	Sifar Aids mula dari kanak-kanak		
MediaTitle	Sinar Harian (Pahang)		
Date	05 Nov 2014	Color	Full Color
Section	NEWS	Circulation	20,000
Page No	35	Readership	60,000
Language	Malay	ArticleSize	256 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 1,477
Frequency	Daily	PR Value	RM 4,431



Sifar Aids mula dari kanak-kanak



Adnan (depan, tengah) bersama wakil agensi dan jabatan kerajaan yang menerima sijil selepas majlis pelancaran Bandar Kuantan Menuju Sifar HIV, semalam.

KUANTAN - Sifar HIV boleh dicapai bermula dari peringkat kanak-kanak dengan penerapan nilai-nilai murni di rumah.

Menteri Besar Pahang, Datuk Seri Adnan Yaakob berkata, ibu bapa juga perlu ada nilai yang sama untuk terapkan toleransi agama dan kaum supaya dapat teruskan kepada generasi akan datang.

"Nak capai agak sukar tapi boleh dengan melaksanakannya dari peringkat awal dengan cara bersistematik dan berstruktur," katanya ketika berucap merasmikan Majlis Pelancaran Bandar Kuantan Menuju Sifar HIV Menjelang 2016 di sini, semalam.

Beliau berkata, bagi tempoh Januari hingga Jun 2014, Pahang berada di tangga kelapan dalam jumlah kes HIV baru yang

dikesan di negara ini.

Bagaimanapun, beliau memuji program pengurangan kemudaratannya yang membabitkan program terapi gantian metadon dan program pertukaran jarum dan alat suntikan dalam kalangan penagih dadah tegar.

Katanya, statistik menunjukkan kes HIV pertama di Pahang ialah pada 1989 dan sehingga Jun tahun ini, sebanyak 10,426 kes HIV dilaporkan membabitkan 1,930 kes Aids dan seramai 1,695 kes HIV dan Aids dilaporkan meninggal dunia.

Di daerah Kuantan pula, katanya, sejak 1989 hingga Jun lalu, sebanyak 3,094 kes HIV dilaporkan dan daripada jumlah itu, seramai 893 adalah kes Aids dan 745 kes HIV dan Aids meninggal dunia.

"Jumlah itu banyak tetapi usaha Jabatan Kesihatan negeri melaksanakan program terapi gantian metadon adalah baik kerana berjaya menurunkan jumlah pesakit itu," katanya.

Sementara itu, Timbalan Menteri Kesihatan Malaysia, Datuk Seri Dr Hilmi Yahya melalui teks ucapannya berkata, Kuantan dipilih untuk pelaksanaan program ini kerana mempunyai kapasiti pengurusan dan pemantauan projek kerajaan tempatan yang tinggi, rawatan dan penjagaan HIV yang meluas dan mempunyai liputan perkhidmatan saringan.

Teks ucapan beliau dibacakan Timbalan Ketua Pengarah Kesihatan, Datuk Dr Lokman Hakim Sulaiman.